

KUALA LUMPUR, 15 MAC (BERNAMA) ---MALAYSI A SEDIA MEMBANTU CHINA MEMBINA KILANG-KILANG PENAPIS MINYAK SAWIT DENGAN BERTAMBAHNYA IMPOT MINYAK SAWIT MENTAH DARI MALAYSIA OLEH NEGARA ITU NANTI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI NI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SELEQAS BERBINCANG DENGAN MENTERI PERDAGANGAN LUAR CHINA, ENCIK LI CHIANG BAHAWA MEREKA TELAH MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN CHINA MENGIMPOT LEBIH BANYAK GETAH DAN MINYAK SAWIT DARI MALAYSIA.

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, PERDAGANGAN MINYAK SAWIT DENGAN CHINA MEMPUNYAI PROSPEK YANG BAIK.

+DENGAN BERTAMBAHNYA PERDAGANGAN MINYAK SAWIT NANTI, MUNGKIN PERLU BAGI CHINA MELUASKAN KEMUDAHAN MENGENDALIKAN MINYAK TERSEBUT, SEPERTI MEMBINA KILANG PENAPIS, + KATANYA.

KATANYA MALAYSI A PUNYA PENGETAHUAN SELUK-BELUK MENGENAI PEMBINAAN KILANG PENAPIS SEUMPAMA ITU DAN SEDIA MENAWARKAN KERJASAMANYA. ---BERSAMBUNG 1312/AH -

MAHATHIR-DAGANG 2 KUALA LUMPUR 金'金'金' ,

KATANYA PROJEK SERUPA ITU BOLEH DIJALANKAN SECARA USAHASAMA. DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MENTERI CHINA ITU JUGA MEMBERS JAMINAN BAHAWA CHINA AKAN MEMBELI GETAH DARI MALAYSIA +SEBERAPA BANYAK YANG BOLEH+.

SELAIN DARI MALAYSIA, CHINA MENGIMPOT GETAH DARI SRI LANKA. MENGENAI KEMUNGKINAN MALAYSIA DAN CHINA MENANDATANGANI PERJANJIAN PERDAGANGAN, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA PERJANJIAN SERUPA ITU DICADANGKAN OLEH CHINA.

+CHINA TELAH PUN MEMBUAT RANGKA PERJANJIAN DAN MALAYSIA SEDANG MENGKAJIR RANGKA TERSEBUT, + KATANYA.

KEDUA-DUA NEGARA TELAH JUGA MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN MELUASKAN HUBUNGAN DAGANGAN TERUS ANTARA KEDUA-DUA NEGARA. ---BERSAMBUNG 1323/AH

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR 金'金'金' ,

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU MENTERI CHINA ITU BAHAWA MALAYSIA BERHARAP UNTUK MENGURANGKAN IMPORT BARANG-BARANG CHINA MELALUI NEGARA KETIGA, YANG PADA MASA INI MASIH BESAR DARI SEGI NILAI.

MALAYSIA MERASA JIKA CHINA DAPAT MENJUAL SECARA TERUS KEPADA MALAYSIA DAN MEMENUHI KEPERLUANNYA UNTUK BARANG-BARANG CHINA, ;; TIDAK ADA SEBAB BAGINYA UNTUK MEMBELI DARI NEGARA KETIGA.

ENCIK LI CHIANG MEMBERITAHU BAHAWA CHINA TIDAK MEMPUNYAI KUASA ATAS NEGARA-NEGARA YANG MEMBELI BARANG-BARANGNYA DAN KEMUDIANNYA MENGEKSPORT SEMULA.

BAGAIMANAPUN, ENCIK LI CHIANG MEMBERI JAMINAN KEPADA MALAYSIA BAHAWA CHINA BERSEDIA MENIMBANG MENINGKATKAN HUBUNGAN DAGANGAN TERUS DENGAN MALAYSIA DAN MENYALURNYA MELALUI PERNAS. ---BERSAMBUNG 1400/LK

MAHATHIR-DAGANG 4 KUALA LUMPUR 金'金'金'

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN KEPADA MENTERI CHINA ITU MENGENAI DASAR MALAYSIA TIDAK MENGGANGGU HAL EHWAL DALAM NEGERI NEGARA-NEGARA LAIN.

WALAUPUN MALAYSIA MENGAMALKAN SISTEM PERNIAGAAN BEBAS, IA JUGA MENGIKTIRAF SISTEM-SISTEM LAIN YANG DIAMALKAN OLEH NEGARA LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN KEPADA MENTERI CHINA ITU WALAUPUN IA MENGAMALKAN SISTEM PERNIAGAAN BEBAS, DALAM SOAL PERDAGANGAN DENGAN CHINA IA TERPAKSA MENYALURKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA MELALUI PERNAS.

KEMUDIAN, PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DIKETUI OLEH TIMBALAN MENTERI, DATUK LEW SIP HON TELAH BERUNDING DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI CHINA MENGENAI CARA-CARA MELUASKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA. — BERNAMA 1417/LK